



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Guru wanita ditipu 'Macau Scam' rugi RM20,000  
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)  
Date: 26 November 2018

Language: Malay  
Section: Citra Utusan  
Page: 4

# Guru wanita ditipu 'Macau Scam' rugi RM20,000

► Mangsa terima panggilan daripada individu kononnya peguam dari Mahkamah Pulau Pinang

**SIBU:**Walaupun tidak masuk akal bahawa seorang guru mempunyai sebuah syarikat dan dituduh mempunyai tunggakan GST sebanyak RM98,000, namun masih juga guru terbabit diperdayakan oleh penipu 'Macau Scam.'

Terdahulu, wanita berumur 49 tahun itu menerima panggilan

daripada seorang individu yang memperkenalkan dirinya sebagai peguam dari Mahkamah Pulau Pinang pada Khamis lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Sarawak Superintenden Mustafa Kamal Gani berkata, talian itu kemudian disambung kepada seorang polis

berpangkat sarjan, namun mangsa menafikan pernah memiliki syarikat seperti yang didakwa.

"Selepas itu, suspek meminta nombor kad pengenalan mangsa untuk membuat semakan. Apabila semakan dibuat suspek itu memberitahu nama mangsa telah disenaraikan sebagai salah seorang daripada 200 orang yang disyaki terlibat dengan kes penjualan dadah dan juga kes judi," katanya.

Mustafa menambah, suspek memberitahu mangsa bahawa dia perlu meminta pegawai atasannya untuk membuat semakan lebih

lanjut, tetapi mangsa perlu membayar RM20,000 sebagai bayaran semakan kes jenayah tersebut.

"Pada hari sama, mangsa telah memberikan nombor akaun dan nombor kata laluan kad bank mangsa kepada suspek kerana mangsa tidak dapat keluar untuk membuat pembayaran wang kepada suspek," jelas beliau.

Menurutnya lagi, apabila mangsa membuat pemeriksaan akaun, dia mendapati wang di dalam akaun miliknya berkurangan sebanyak RM20,000 dan percaya bahawa ia telah dipindahkan ke akaun lain.

Mangsa juga ada menerima beberapa mesej daripada suspek yang memaklumkan terdapat waran tangkap terhadap mangsa daripada Mahkamah Pulau Pinang dan dari Jabatan Audit Putrajaya.

Bimbang perkara itu menggugat keselamatannya, mangsa bertindak membuat laporan polis.

"Apabila diteliti dokumen (mesej) tersebut mangsa dipercayai telah ditipu oleh sindiket penipuan dalam talian," tambah Mustafa.

Kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu.

“Apabila diteliti dokumen (mesej) tersebut mangsa dipercayai telah ditipu oleh sindiket penipuan dalam talian.”

**SUPERINTENDEN MUSTAFA KAMAL GANI**  
*Ketua JSJK Sarawak*